

## KERATAN AKHBAR

---

TARIKH : 31 JANUARI 2023  
AKHBAR : KOSMO  
MUKA SURAT : 37

### IHPR naik kepada 7.8% Disember lalu

## IHPR naik kepada 7.8 % Disember lalu

**PETALING JAYA** – Indeks Harga Pengeluar (IHPR) Malaysia, yang mengukur harga barangan di pintu kilang, meningkat 3.5 peratus pada Disember 2022 berbanding 3.2 peratus pada November, menurut Jabatan Perangkaan.


Ketua Perangkawan, Datuk Seri Mohd. Uzir Mahidin berkata, pada tahun 2022, IHPR pengeluaran tempatan meningkat 7.8 peratus lebih rendah berbanding 9.5 peratus yang direkodkan pada tahun 2021.

Menurut beliau, pada separuh pertama tahun lalu, IHPR pengeluaran tempatan meningkat pada kadar yang lebih laju disokong oleh kenaikan harga komoditi utama Malaysia iaitu minyak sawit mentah dan minyak mentah.

Ini disebabkan oleh tekanan geopolitik antara Rusia dan Ukraine.

“Selain itu, isu peningkatan kos bahan makanan ternakan dan baja turut menyumbang kepada kenaikan dalam IHPR pengeluaran tempatan.

“Walau bagaimanapun, kenai-



**KENAIKAN harga minyak kelapa sawit turut mendorong kenaikan IHPR akhir tahun lalu.** – GAMBAR HIASAN

kan IHPR pengeluaran tempatan mula sederhana pada Jun 2022 disokong oleh penurunan harga minyak sawit mentah sehingga mencecah paras RM3,000 pada separuh kedua 2022,” katanya dalam satu kenyataan semalam.

Mengulas lanjut, Mohd. Uzir berkata, penurunan berkenaan antaranya disebabkan permintaan global yang lebih rendah kesan daripada pembukaan

eksport minyak sawit dari Indonesia dan permintaan kepada minyak sayuran lain yang meningkat.

“Namun begitu, harga makanan pengguna siap menunjukkan trend peningkatan yang lebih tinggi berbanding 2021 walaupun mula sederhana bermula pada November 2022 disebabkan oleh kos bahan mentah yang tinggi,” ujar beliau.